



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA STATISTIK GUNA TENAGA, MALAYSIA SUKU TAHUN KETIGA 2023

Jawatan dalam sektor ekonomi meningkat sebanyak 2.6 peratus dengan merekodkan 8.90 juta jawatan pada suku tahun ketiga 2023

PUTRAJAYA, 10 November 2023 – Bilangan jawatan dalam sektor ekonomi meningkat sebanyak 2.6 peratus merekodkan 8.90 juta jawatan pada suku tahun ketiga 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pada hari ini. Statistik ini diterbitkan dalam laporan **STATISTIK GUNA TENAGA, SUKU TAHUN KETIGA 2023** berdasarkan Survei Guna Tenaga yang dilaksanakan ke atas perniagaan berdaftar dalam sektor swasta. Laporan ini membentangkan statistik permintaan buruh merangkumi indikator bilangan jawatan, jawatan diisi, kekosongan dan pewujudan jawatan mengikut kategori kemahiran dan aktiviti ekonomi.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Permintaan buruh Malaysia terus menunjukkan trend positif pada suku tahun ketiga 2023 dengan pertambahan jawatan sebanyak 227.1 ribu jawatan, merekodkan 8.90 juta jawatan (ST3 2022: 8.68 juta). Peningkatan ini menunjukkan kedudukan ekonomi dan prestasi permintaan buruh yang memberangsangkan sejajar dengan peningkatan berterusan aktiviti ekonomi dan sosial semasa.

Dalam hubungan ini, bilangan jawatan diisi juga mencatatkan peningkatan sebanyak 2.7 peratus dengan merekodkan 8.71 juta jawatan pada ST3 2023. Walau bagaimanapun, peluang pekerjaan dalam ekonomi yang ditunjukkan oleh bilangan kekosongan merekodkan pertumbuhan negatif, menurun sebanyak 0.2 peratus merekodkan 190.9 ribu kekosongan jawatan (ST3 2022: 191.3 ribu). Dalam pada itu, kadar jawatan diisi meningkat secara marginal dengan 0.1 mata peratus kepada 97.9 peratus selepas mencatatkan 97.8 peratus bagi tujuh suku tahun berturut-turut manakala kadar kekosongan jawatan bagi suku tahun ini adalah 2.1 peratus."

Mengulas lanjut mengenai situasi jawatan diisi pada suku tahun ketiga 2023, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Analisis pertumbuhan tahun ke tahun bagi jawatan diisi mengikut sektor ekonomi, semua sektor kekal stabil pada kadar pertumbuhan yang positif dengan sektor Pertanian mencatatkan pertumbuhan tertinggi pada kadar

4.9 peratus, diikuti oleh Pembuatan (3.2%) dan Perlombongan & Pengkuarian (3.0%). Dari segi komposisi, sejumlah 4.58 juta jawatan yang merangkumi 52.5 peratus daripada jumlah jawatan diisi tertumpu di sektor Perkhidmatan, diikuti oleh Pembuatan (27.1%; 2.36 juta) dan Pembinaan (14.2%; 1.24 juta). Mengikut kategori kemahiran, jawatan diisi pada suku tahun ini sebahagian besarnya adalah dalam kategori separuh mahir merangkumi 62.6 peratus atau bersamaan dengan 5.46 juta jawatan diikuti oleh mahir dengan 25.0 peratus (2.17 juta) dan berkemahiran rendah sebanyak 12.4 peratus (1.08 juta).”

Ketua Perangkawan berkata, “Terdapat 190.9 ribu kekosongan jawatan dalam sektor ekonomi pada suku tahun ini, menurun sebanyak 0.2 peratus berbanding ST3 2022 (191.3 ribu). Berdasarkan pecahan kekosongan jawatan mengikut sektor ekonomi, ia didominasi oleh sektor Pembuatan dengan 107.9 ribu kekosongan jawatan (56.5%), terutamanya dalam subsektor Elektrik, elektronik dan produk optikal (33.8 ribu) dan Petroleum, kimia, getah, dan plastik (19.7 ribu). Sektor Pertanian menduduki tempat kedua dengan 30.5 ribu kekosongan jawatan (16.0%) diikuti oleh Perkhidmatan dengan 26.1 ribu kekosongan jawatan (13.6%) khususnya dalam subsektor Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan (10.3 ribu). Bagi perincian mengikut kategori kemahiran, lebih separuh daripada kekosongan jawatan pada ST3 2023 adalah dalam kategori separuh mahir yang merangkumi 55.3 peratus atau bersamaan dengan 105.5 ribu kekosongan jawatan, diikuti oleh mahir dengan 25.4 peratus (48.6 ribu) dan 19.3 peratus bagi berkemahiran rendah (36.8 ribu).”

Ketua Perangkawan mengulas lanjut bahawa terdapat lebih banyak jawatan yang diwujudkan pada suku tahun ini, mencatatkan sejumlah 32.0 ribu jawatan baharu bagi memenuhi keperluan industri memandangkan ekonomi Malaysia kini sedang beralih kepada fasa pemulihan yang lebih kukuh. Dari segi komposisi mengikut kategori kemahiran, majoriti pewujudan jawatan adalah dalam kategori separuh mahir dengan 60.8 peratus atau 19.4 ribu pewujudan jawatan, diikuti oleh mahir (28.9%; 9.2 ribu) dan berkemahiran rendah (10.3%; 3.3 ribu). Melihat kepada pecahan mengikut aktiviti ekonomi, sektor Perkhidmatan muncul sebagai penyumbang terbesar pewujudan jawatan dengan sumbangan sebanyak 49.8 peratus (15.9 ribu), terutamanya dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit (8.6 ribu). Manakala, sektor Pembuatan menduduki tempat kedua, mencatatkan 32.4 peratus dengan 10.4 ribu pewujudan jawatan, khususnya dalam subsektor produk Elektrik, elektronik dan optikal (3.5 ribu). Merumuskan kenyataannya mengenai penerbitan hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Prestasi keseluruhan permintaan buruh pada suku tahun ketiga 2023 kekal stabil dan dijangka mengalami pertumbuhan sederhana pada bulan-bulan akan datang dengan mengambil kira pelbagai cabaran dalam ekonomi. Bagaimanapun, dengan pelaksanaan Naratif Ekonomi MADANI oleh kementerian dan agensi kerajaan, diharapkan ekonomi Malaysia dapat mengekalkan momentum positif dan lebih berdaya tahan sekali gus berdepan dengan prospek ekonomi yang positif pada tahun-tahun akan datang.”

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Jumaat, 10 November 2023**

Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi dari portal Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.




DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2023. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Paparan 1: Statistik Guna Tenaga, ST3 2023



Paparan 2: Permintaan Buruh mengikut Kemahiran, ST3 2023



Paparan 3: Permintaan Buruh mengikut Aktiviti Ekonomi, ST3 2023
(% Sumbangan)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 NOVEMBER 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT EMPLOYMENT STATISTICS, MALAYSIA THIRD QUARTER OF 2023

Jobs in economic sector rose by 2.6 per cent to record 8.90 million jobs in the third quarter of 2023

PUTRAJAYA, 10 November 2023 – The number of jobs in economic sector rose by 2.6 per cent to record 8.90 million jobs in the third quarter of 2023, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today. These statistics are published in the report of **EMPLOYMENT STATISTICS, THIRD QUARTER OF 2023** based on the Employment Survey conducted on registered businesses in the private sector. The report presents the labour demand statistics, encompassing of the number of jobs, filled jobs, vacancies and jobs created indicators by skills category and economic activity.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's labour demand continued to show a positive trend in the third quarter of 2023 with an additional 227.1 thousand jobs to record 8.90 million jobs (Q3 2022: 8.68 million). The increment signified an encouraging economic development and the labour demand situation which is in line with the continuous enhancement of the current economic and social activities.

With regards to this, the number of filled jobs also posted an increase of 2.7 per cent recording 8.71 million jobs in Q3 2023. Nonetheless, job openings in the economy which was indicated by the number of job vacancies recorded a negative growth, declining by 0.2 per cent to record 190.9 thousand vacancies (Q3 2022: 191.3 thousand). Subsequent to this, the rate of filled jobs increased marginally by 0.1 percentage points to 97.9 per cent after recording 97.8 per cent for seven consecutive quarters whereas the rate of job vacancies for this quarter was 2.1 per cent."

Commenting further on the filled jobs situation during the third quarter of 2023, the Chief Statistician said, "Analysing the year-on-year growth of filled jobs across the economic sector, all sectors remained stable at a positive growth with the Agriculture sector registered the highest growth at 4.9 per cent, followed by Manufacturing (3.2%) and Mining & Quarrying (3.0%). In terms of composition by economic sector, a total of 4.58 million jobs, constituting 52.5 per cent of the total filled jobs were concentrated in the Services sector, followed by Manufacturing (27.1%; 2.36 million) and

Construction (14.2%; 1.24 million). By skills category, filled jobs in this quarter were largely in the semi-skilled category with a share of 62.6 per cent or equivalent to 5.46 million jobs followed by skilled with 25.0 per cent (2.17 million) and low-skilled by 12.4 per cent (1.08 million).”

The Chief Statistician added, “There were 190.9 thousand job vacancies in the economic sector during this quarter, a decline of 0.2 per cent as compared to Q3 2022 (191.3 thousand). Disaggregating the job vacancies by economic sector, it was dominated by the Manufacturing sector with 107.9 thousand job vacancies (56.5%), primarily in the Electrical, electronic and optical products sub-sector (33.8 thousand) and Petroleum, chemical, rubber and plastic products (19.7 thousand). The Agriculture sector ranked second with 30.5 thousand job vacancies (16.0%) followed by Services with 26.1 thousand job vacancies (13.6%) particularly in the Finance, insurance, real estate, and business services sub-sector (10.3 thousand). From the viewpoint of skills category, more than half of job vacancies in Q3 2023 were in the semi-skilled category comprising 55.3 per cent or equivalent to 105.5 thousand job vacancies, followed by skilled category at 25.4 per cent (48.6 thousand) and 19.3 per cent in low-skilled category (36.8 thousand).”

The Chief Statistician further elaborated that more jobs were created in this quarter recording a total of 32.0 thousand new jobs to meet the needs of the industry as Malaysia's economy has regained its momentum towards sustainability. In terms of composition by skills category, majority of jobs created were in the semi-skilled category with 60.8 per cent or 19.4 thousand jobs created, followed by skilled (28.9%; 9.2 thousand) and low-skilled (10.3%; 3.3 thousand). Looking at the breakdown by economic activities, the Services sector emerged as the largest composition of jobs created accounted for 49.8 percent (15.9 thousand), mainly in the Wholesale and retail trade sub-sector (8.6 thousand). While the Manufacturing sector ranked second, registering 32.4 per cent with 10.4 thousand jobs created, particularly in the Electrical, electronic and optical products sub-sector (3.5 thousand).

Concluding his statement on today's release, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The overall performance of the labour demand during the third quarter of 2023 remained stable and is anticipated to experience moderate growth in the upcoming months, considering challenges in the economy. However, with the implementation of the MADANI Economic Narrative by government ministries and agencies, hopefully, Malaysia's economy can sustain its positive momentum and be more resilient thus experiencing positive economic outlooks in the years to come.”

Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) portal. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.



DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. “Agriculture Census, Key to Agriculture Development”.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Exhibit 1: Employment Statistics, Q3 2023




Exhibit 2: Labour Demand by Skill, Q3 2023





Exhibit 3: Labour Demand by Economic Activity, Q3 2023 (% Share)



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10 NOVEMBER 2023